

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan semasa berhubung senarai penyata hutang peneroka yang berjaya diselesaikan pada 30 September 2020 dan bilakah kesemua peneroka akan menerima penyata tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah menubuhkan satu pasukan khas bagi melaksanakan aktiviti memuktamadkan penyata hutang peneroka khususnya bagi perbelanjaan pembangunan tanam semula ladang peneroka.
2. Sehingga 30 September 2020 penyediaan maklumat hutang peneroka yang dikunci kira-kira pada 31 Disember 2019 telah selesai dilaksanakan. Proses seterusnya adalah pembentangan penyata hutang kepada peneroka melalui Jawatankuasa Tanam Semula Rancangan dan seterusnya penyediaan Penyata Hutang yang akan dikeluarkan pada Disember 2020.

Sekian, terima kasih.